

PM ajak pupuk ciri-ciri bangsa Malay sia moden

UM 2 AUG 1983

TANJUNG MALIM 1 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat memupuk teras-teras dan ciri-ciri bangsa Malaysia moden sesuai dengan aspirasi kebangsaan dalam negara yang mempunyai masyarakat majmuk dan suku-suku kaum yang berlainan.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri menegaskan bahawa rakyat perlu memahami konsep nasionalisme dengan ertikata yang lebih menyeluruh dan bukan sahaja dalam konteks untuk memperjuangkan kemerdekaan.

Berucap merasmikan Konvensyen Pendidikan Kelapan di Maktab Perguruan Sultan Idris di sini, beliau berkata, nasionalisme mempunyai peranan yang penting dalam usaha-usaha untuk mengisi kemerdekaan dan kedaulatan negara dengan cita-cita baru dan nilai-nilai agama Islam.

"Tetapi dalam keadaan hari ini, ada sesetengah pihak di negara ini yang bulat-bulat menolak nasionalisme sebagai bukan Islam.

Keadaan ini, telah membawa keraguan di kalangan sebahagian dari rakyat yang kurang memahami tentang konsep nasionalisme dan pertaliannya dengan Islam," tambahnya.

Menurut Perdana Menteri, Allah telah berfirman bahawa manusia dijadikan berpuak-puak dengan tujuan supaya mereka mengenali antara satu sama lain dan "bahawa kejadian kita sebagai bangsa dan

Oleh
Razak Rashid Ghows.

suku-suku kaum adalah sebagai ujian bagi kita mempraktikkan konsep persaudaraan dan hidup berbaik-baik bagi manfaat bersama."

Perdana Menteri menambah, Rasulullah juga pernah bersabda bahawa cintakan tanahair adalah sebahagian dari iman.

"Yang salah dari segi Islam bukan nasionalisme tetapi jika kita mendewa-dewakan tanahair atau sesuatu sehingga mengeneipkan Islam," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa usaha yang dijalankan untuk menolak nasionalisme kerana fahaman sempit boleh menjejaskan pencapaian objektif-objektif jangka panjang yang boleh mengukuhkan nilai-nilai sejagat anjuran agama Islam.

Tetapi, kata Perdana Menteri satu hakikat yang harus disedari ialah pengertian umum yang sering mengaitkan nasionalisme dengan kemerdekaan semata-mata dan dalam konteks yang sempit hinggakan semangat masyarakat yang menyebabkan daya pendorong serta daya kreatif dan kemajuan menjadi semakin luput dari satu generasi ke satu generasi.

Katanya, kecuali jika semangat yang menyeluruh ini dipupuk dengan sedar dan dengan menggunakan cara-cara berkesan, sesebuah masyarakat dan negara akan menjadi lemah.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, pendidikan adalah salah satu dari media yang terpenting bagi memupuk semangat nasionalisme dengan interpretasi

LIHAT MUKA 14

Pupuk ciri-ciri bangsa Malaysia moden

UM 127 AUG 1985
yang luas secara berterusan.

Nasionalisme yang sesuai bagi setiap masa, tambah Perdana Menteri ialah nasionalisme yang menjadi pendorong kepada individu dan masyarakat untuk bergerak mencapai aspirasi yang mulia dari segi kemajuan fizikal dan spiritual.

Beliau menyarankan bahawa alam pendidikan adalah satu persekitaran yang luas, bukan sahaja meliputi sistem pendidikan formal, malahan berbagai interaksi dan reaksi formal dan tidak formal.

Soalnya sekarang katanya, ialah "kita perlu benar-benar memahami konsep nasionalisme yang menyeluruh dan dinamik tanpa menimbulkan resah kesah dan perpecahan.

Perdana Menteri seterusnya menarik perhatian bahawa dalam tem-

poh sesuku abad negara ini merdeka, banyak perubahan telah berlaku.

Suatu gejala yang jelas kelihatan ialah generasi baru telah beransur-ansur terpisah dari pengalaman generasi dulu dan "telah timbul kini golongan - golongan yang cuma mendewa - dewakan negara lain dan mengecam negara sendiri tanpa memperhentikan faktor-faktor dan keadaan yang berbeza."

Begitu juga, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, terdapat sebahagian rakyat yang merasakan bahawa kemerdekaan adalah tangga penghabisan dan jaminan tetap bagi kehidupan yang mewah tanpa tanggungjawab dan usaha gigih yang berterusan.

Beliau menegaskan apa yang perlu sekarang ialah penilaian semula kelemahan - kelemahan

yang wujud di dalam keseluruhan sistem pendidikan dan cara hidup di negara ini.

Perdana Menteri berkata konsep pendidikan yang sempit yang mementingkan fakta semata-mata tanpa memperseimbangkan unsur-unsur sejarah dan kebudayaan serta aspirasi negara tidak mungkin dapat melahirkan satu persekitaran pendidikan yang boleh mewujudkan masyarakat yang menghayati konsep nasionalisme tersebut.

Dalam hubungan ini beliau berkata, pendidikan tidak hanya terhad kepada bilik-bilik darjah dan kuliah sahaja tetapi adalah proses yang boleh dikumpul dari persekitaran yang luas, meliputi pendidikan dari ibu bapa, keadaan rumah-tangga dan masyarakat setempat.